



## Islamic Relief Malaysia Santuni 1,390 Keluarga B40 Sempena Hari Raya Aidiladha

Seramai 1,390 keluarga B40 dan ke bawah telah menerima sumbangan 1–2 kilogram daging korban daripada Islamic Relief Malaysia sempena sambutan Hari Raya Aidiladha melibatkan penyembelihan 21 ekor lembu di Lembah Klang dan Sabah, hasil sumbangan daripada MBSB Bank dan penderma individu.

Proses gerak kerja edaran daging korban yang dijalankan mendapat kerjasama daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), Malaysian Relief Agency (MRA), MyAmal Sabah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), ketua komuniti setempat, ahli persatuan penduduk dan kumpulan sukarelawan. Bagi agihan di Kuala Lumpur, ianya turut mendapat kebenaran dari pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

Antara lokasi penerima manfaat edaran daging korban ini ialah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Malaysia, Perumahan Awam (PA) Seri Sabah 3A, Perumahan Awam (PA) Seri Sabah 3B, Rumah Panjang Jalan Ikan Emas, Kuala Lumpur; Pulau Jampiras, Sandakan; Kampung Bungaliu, Tamparuli; Kampung Sambah, Tenghilan; Kampung Tambulion, Kota Belud; Kampung Perpaduan Ria, Kampung Simpang Mengayau, Kampung Matunggong, Sekolah Tahfiz di Kudat dan Kampung Penangah di Tongod, Sabah.

Meskipun pergerakan untuk menyalurkan bantuan terbatas, namun amanah yang telah disumbangkan tetap terus disampaikan kepada penerima manfaat mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dan agensi berkenaan.

Islamic Relief Malaysia melahirkan rasa syukur tidak terhingga serta mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia atas sokongan yang diberikan menerusi sumbangan dan penyertaan ibadah korban melalui kempen Rezeki Qurban #zahirkankesyukuran.

Pada awalnya Islamic Relief Malaysia menyasarkan 943 penyertaan bahagian korban yang akan diagihkan kepada penerima manfaat di 28 buah negara namun dengan sambutan yang amat menggalakkan, penyertaan telah meningkat sehingga jumlah bahagian korban yang diagihkan mencapai 1,389 bahagian.

Respon yang diterima daripada penerima manfaat daging korban juga sangat positif.

Kebanyakan daripada mereka meluahkan rasa syukur dan terharu atas sumbangan yang diberikan kerana mereka sama sekali tidak menyangka dalam keadaan pandemik yang menjejaskan ekonomi ramai pihak, tetapi masih ada yang sudi berkongsi rezeki bersama mereka.

### Buletin Islamic Relief Malaysia

1. Islamic Relief Malaysia Santuni 1,390 Keluarga B40 Sempena Hari Raya Aidiladha
2. 200 Keluarga Terjejas Banjir di Sabah Terima Bantuan Pek Makanan dan Kit Kesihatan
3. Share The Joy Kongsi Rezeki Bersama 2,130 Penerima Manfaat Sempena Sambutan Tahun Baru Baru Cina
4. Program Cheer To School Santuni Pelajar B40 Tanpa Mengira Kaum dan Agama
5. Islamic Relief Malaysia Salur Sumbangan COVID-19 dan Bantuan Kecemasan Lokal secara Menyeluruh Tanpa Mengira Perbezaan
6. Islamic Relief Malaysia Edar 12,000 Bantuan Pek Makanan Rezeki Ramadan di 32 Buah Negara
7. Ikon Kemanusiaan Islamic Relief Malaysia Prihatin Nasib Umat Sejagat
8. Sukarelawan, Model Luar Biasa
9. Adik Cilik Prihatin
10. - list aktiviti Jan – Julai 2021

# 200 Keluarga Terjejas Banjir di Sabah Terima Bantuan Pek Makanan dan Kit Kesihatan



**Seramai 200 keluarga terjejas banjir di Kampung Bekalau, Takuli, Kebatu di Beaufort dan Kampung Batu-Batu, Tenom telah menerima sumbangan pek makanan, air mineral dan kit kesihatan termasuk pelitup muka serta pencuci tangan.**

Banjir yang berlaku dikatakan berpunca daripada kesan pelepasan air dari Empangan Hidro Pangi dan taburan hujan yang berterusan.

Bantuan diedarkan secara berkala selama tiga hari dengan kerjasama Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Malaysian Relief Agency (MRA) dan Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK).

Bencana yang melanda ini memberi ujian berganda kepada penduduk di Beaufort dan Tenom kerana mereka bukan sahaja berdepan masalah banjir, malahan sistem bekalan air paip juga terputus.

Didoakan semoga mereka semua terus tabah menghadapi ujian ini dan dilindungi daripada wabak Covid-19 yang masih menular di negara kita.



# Share The Joy Rai 2,130 Penerima Manfaat Berbangsa Cina



**Program Share The Joy anjuran Islamic Relief Malaysia raiakan kegembiraan dengan berkongsi rezeki bersama 2,130 penerima manfaat berbangsa Cina sempena sambutan Tahun Baru Cina.**

Program tersebut merupakan acara tahunan yang dijalankan selari dengan misi kemanusiaan Islamic Relief Malaysia dalam menyantuni penerima manfaat tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan warna kulit.

Ia juga salah satu cara dalam memastikan amanah dan tanggungjawab sosial yang digalas dapat disalurkan kepada penerima manfaat secara menyeluruh agar mereka terus disantuni dan mendapat perhatian masyarakat sekeliling.

Pendekatan ini juga dilihat sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030) yang mahu memastikan tiada lapisan masyarakat merasa terpinggir.

Penerima manfaat yang disantuni terdiri daripada penghuni Rumah Warga Tua (RWT) Air Panas, Tawau; Grace Old Folks Home dan Bethany Old Folks Home, Kota Kinabalu; Pekan Mesapol, Sipitang; Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Beaufort, Sabah; penduduk di Serian dan Sibu, Sarawak juga penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur.

Antara bantuan yang diberikan ialah sumbangan pek makanan, kit kesihatan dan kebersihan termasuk pelitup muka dan pencuci tangan serta 'ang pao'.



Selain itu, aktiviti sanitasi turut dijalankan di beberapa lokasi.



Islamic Relief Malaysia mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang membantu menjayakan program ini termasuk rakan kemanusiaan seperti MASWings, Malaysian Relief Agency (MRA) dan Persatuan Kebajikan Tiong Hua Islam Sarawak (PERKTHIS).

# Program Cheer To School Santuni Pelajar B40 Tanpa Mengira Kaum dan Agama



Seramai 342 pelajar Sekolah Kebangsaan Kajang, Sekolah Kebangsaan Sungai Melut (Asli) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), Dengkil telah menerima bantuan buku, alat tulis, botol air, pakaian seragam sekolah termasuk kasut, stokin dan beg sekolah, pakaian ko-kurikulum, pakaian sukan dan peralatan sekolah yang lain pada awal tahun 2021.

Jenis bantuan yang diberikan adalah berbeza mengikut sekolah dengan mengambil kira cadangan daripada para guru memandangkan mereka lebih arif tentang keadaan dan situasi semasa murid-murid.

Objektif pelaksanaan program "Cheer To School" dijalankan tidak lain untuk membantu meringankan beban golongan rentan dalam menyediakan kelengkapan persekolahan selain menyuntik semangat para pelajar untuk terus menimba ilmu dengan bersungguh-sungguh.

Pelajar yang terpilih untuk menerima bantuan ini merupakan anak-anak daripada keluarga B40, miskin bandar, anak yatim, orang kelainan upaya (OKU) dan orang asli.

Edaran bantuan diagihkan secara berkala setelah proses mengukur saiz pakaian dilaksanakan pada Disember tahun lalu di pasaraya berdekatan.

Ibu bapa dan pihak sekolah semuanya menzahirkan rasa syukur dan terima kasih yang tidak terhingga kepada para penyumbang yang membantu mereka di kala pandemik ini.

Anak-anak pula kelihatan sangat teruja sewaktu sesi mengukur saiz pakaian dijalankan.

Ternyata inisiatif program "Cheer To School" bukan sahaja memberi impak positif kepada keluarga penerima manfaat malahan turut menjadi simbolik penyatuan kaum kerana bersatu dalam membantu tanpa sebarang diskriminasi.



# Islamic Relief Malaysia Salur Sumbangan COVID-19 dan Bantuan Kecemasan Lokal Secara Menyeluruh Tanpa Mengira Perbezaan



Sejak penularan pandemik COVID-19 di negara ini diikuti dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu, Islamic Relief Malaysia sentiasa berusaha meringankan beban golongan terjejas dengan edaran bantuan kepada lebih 12,000 penerima setakat ini.

Antara bantuan yang diberikan ialah pek makanan, susu formula bayi, kit kesihatan dan kebersihan seperti pelitup muka serta pencuci tangan.

Penerima manfaat bantuan ini terdiri daripada individu yang terjejas sumber pendapatan akibat COVID-19, golongan B40 dan ke bawah, ibu tunggal, asnaf, petugas barisan hadapan, pesakit COVID-19, warga pelarian dan penduduk bukan warganegara atau 'stateless' di kawasan Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) di Sabah.

Setakat suku kedua tahun 2021, Islamic Relief Malaysia telah berjaya mengedarkan bantuan COVID-19 di kawasan Ampang, Setapak, Cheras, Kuala Lumpur; Ujong Pasir Melaka; Beaufort, Putatan, Tuaran, Papar, Kuala Penyu, Tawau, Kota Kinabalu, Karamunsing, Kundasang dan Sandakan, Sabah.



Selain itu, Islamic Relief Malaysia turut menggerakkan kerja-kerja edaran bantuan menerusi projek Kecemasan Lokal di Temerloh, Pahang; Membakut, Beaufort, Pitas, Penampang, Putatan, Tenom, Kalabakan, Kota Belud dan Kota Kinabalu, Sabah.



Didoakan semoga kita semua terus tabah menghadapi ujian serta menjadikan apa yang berlaku sebagai landasan untuk kita lebih cakna akan nasib mereka yang memerlukan supaya tiada lagi komuniti yang akan merasa terpinggir.

# Islamic Relief Malaysia Edar 12,000 Bantuan Pek Makanan Rezeki Ramadan di 32 Buah Negara



**Program edaran pek makanan merupakan projek bermusim yang dilaksanakan Islamic Relief setiap tahun setiap kali tibanya bulan Ramadan.**

Setiap pek makanan dipenuhi dengan makanan ruji mengikut keperluan asas negara masing-masing seperti beras, tepung, jagung, pasta, bijirin, kekacang, daging dalam tin, minyak masak, gula, uncang teh, kurma dan lain-lain.

Tahun ini, Islamic Relief Malaysia berjaya menyantuni lebih 60,000 penerima manfaat di dalam dan luar negara menerusi pengumpulan dana kempen Rezeki Ramadan dengan slogan #gandakanpahala.

Sebanyak 12,000 pek makanan telah diedarkan melibatkan 6,000 pek makanan di Malaysia manakala 6,000 lagi diagihkan di 31 buah negara termasuk Syria, Yaman, Somalia, Indonesia, Palestin, Bangladesh dan lain-lain.

Objektif program ini dijalankan tidak lain untuk membantu golongan rentan dalam menyambut bulan Ramadan tanpa perlu runsing memikirkan juadah berbuka dan bersahur.

Penerima manfaat yang terpilih adalah dalam kalangan mereka yang terjejas pandemik COVID-19, asnaf, ibu tunggal, penerima manfaat di negara-negara yang mempunyai populasi yang tinggi, yang mengalami ancaman nutrisi dan makanan, negara yang menghadapi kemelesetan ekonomi, negara yang menampung jumlah penduduk yang tinggi serta penduduknya tinggal di bawah paras kemiskinan dan juga negara yang mengalami krisis kemanusiaan yang berterusan.



Meskipun keadaan pandemik yang melanda negara masih belum berakhir, namun Islamic Relief Malaysia sangat bersyukur kerana rakyat Malaysia khususnya tetap bermurah hati untuk berkongsi rezeki dan menyumbang menerusi kempen ini.



# Ikon Kemanusiaan Islamic Relief Malaysia Prihatin Nasib Umat Sejagat



Atas dasar prihatin dan kecintaan akan kerja-kerja kebajikan serta kemanusiaan, barisan Ikon Kemanusiaan Islamic Relief Malaysia yang terdiri daripada Irma Hasmie, Diana Amir, Elfaeza Ul Haq, Ashraf Muslim, Saujana, Dr Aizan Sofia Amin, Dr. Soo Wincci dan Chef Imelda Harris terus proaktif turun padang dan berkongsi kisah berkait isu-isu kemanusiaan menerusi perkongsian di media sosial.

Meskipun dalam suasana pandemik dan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pihak kerajaan, barisan ikon kemanusiaan ini tetap bersemangat untuk menyantuni penerima manfaat menerusi program 'Fresh4Them' dan Ikon Prihatin.

Ikon yang terlibat berkesempatan menziarahi penerima manfaat di kediaman masing-masing di sekitar Lembah Klang sambil menyampaikan amanah para penyumbang melibatkan sumbangan barangan keperluan asas, sayur-sayuran dan ayam mentah.

Menjelang Ramadan, gerak kerja bantuan para ikon diteruskan dengan aktiviti pengumpulan dana yang menggunakan platform LaunchGood sebagai medium sumbangan bagi menyokong kempen Rezeki Ramadan anjuran Islamic Relief Malaysia.



Inisiatif ini turut mendapat sokongan serta penglibatan pelakon dan model terkenal tanah air, Siti Saleha.



Tidak terhenti di situ, barisan Ikon Kemanusiaan Islamic Relief Malaysia turut menzahirkan solidariti mereka terhadap konflik di Palestin dengan melancarkan projek Infak Palestin bagi menyokong usaha penyaluran bantuan bekalan perubatan bagi pusat-pusat kesihatan di sekitar Gaza dan bantuan makanan serta barangan bukan makanan (NFI) serta program pembangunan semula Palestin.



# Sukarelawan, Model Luar Biasa



**Sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sentiasa terbuka dalam menjadi jambatan penghubung bagi banyak pihak untuk kerja-kerja kebajikan dan kemanusiaan, Islamic Relief Malaysia sangat menghargai usaha dan sokongan yang ditunjukkan para sukarelawan meskipun dalam tempoh pandemik ketika ini.**

Jika dahulu, penglibatan sukarelawan banyak melibatkan kerja-kerja di lapangan, namun kini sukarelawan sudah banyak menyalurkan bantuan menerusi sokongan di atas talian.

Arahan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan kerajaan sejak Mac 2020, sama sekali tidak pernah menghalang sukarelawan Islamic Relief Malaysia untuk terus membantu menjayakan program bantuan yang dijalankan Islamic Relief Malaysia mengikut kapasiti dan kemampuan masing-masing.

Mereka juga turut terlibat dalam aktiviti perkongsian pengalaman juga kerja-kerja kebajikan yang dijalankan secara atas talian selain berkongsi kisah-kisah penerima manfaat untuk dijadikan ibrah dan suntikan semangat kepada masyarakat agar terus menyokong kerja-kerja kebajikan.

Untuk tahun 2021, sukarelawan Islamic Relief Malaysia banyak terlibat dalam kerja-kerja pengumpulan dana secara atas talian bagi menyantuni penerima manfaat di dalam dan luar negara bagi program bantuan pek makanan Rezeki Ramadan.

Terbaharu, sukarelawan Islamic Relief Malaysia sedang giat mengumpulkan dana untuk membantu projek Pembangunan Semula Palestin dan bantuan di bawah sektor air, sanitasi dan kebersihan (WASH) sempena sambutan Hari Kemanusiaan Sedunia yang disambut pada 19 Ogos setiap tahun.



Didoakan semoga wabak COVID-19 yang melanda hampir seluruh dunia ini kembali pulih dengan segera agar kita semua dapat sama-sama menjalani kehidupan normal seperti dahulu seterusnya dapat terus menyantuni penerima manfaat di lapangan secara beramai-ramai.



# Adik Cilik Prihatin



**Melentur buluh biarlah dari rebunginya. Inisiatif yang dilakukan oleh SK Tinta dan Genius Aulad dalam mendedahkan para pelajar dengan aktiviti kebajikan serta isu-isu kemanusiaan harus dipuji dan dijadikan contoh.**

Kerjasama Islamic Relief Malaysia bersama dua sekolah ini sudah terjalin sejak setahun yang lalu. Memandangkan sambutan yang diterima daripada para pelajar dan ibu bapa sangat positif, usaha murni ini diteruskan lagi pada tahun 2021.

Projek pertama yang telah dijalankan pada tahun ini ialah kolaborasi bersama Genius Aulad menerusi aktiviti pengumpulan dana untuk membantu kempen edaran pek makanan Rezeki Ramadan.

Para pelajar dan ibu bapa diberi pendedahan mengenai kisah-kisah survival penduduk di Afrika, Somalia, Bangladesh, Yaman dan sebagainya. Turut dijalankan sesi sembang santai antara pelajar Genius Aulad bersama Diana Amir, Ikon Kemanusiaan Islamic Relief Malaysia dan kakitangan Islamic Relief Malaysia menerusi program 'Genius Aulad Bubbly Kids'.

Hasilnya, mereka berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM19,000 dan wang tersebut telah disalurkan terus untuk menyantuni penerima manfaat di bulan Ramadan.

Bagi kolaborasi bersama SK Tinta pula, para pelajar dan ibu bapa telah berjaya mengumpul sejumlah RM14,000 dana untuk membantu penghuni Pusat Jagaan Al-Hasanah di Beranang, Selangor dan juga untuk menyokong kempen Pembangunan Semula Palestin.



Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kerjasama ini dijalankan ialah sesi halaqah, kapsul ramadan dan pelbagai lagi.



Meskipun dalam tempoh pandemik dan pelaksanaan kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan, namun aktiviti kebajikan ini tetap berjaya dilaksanakan menggunakan platform atas talian.

# Aktiviti Islamic Relief Malaysia 2021

1

## Januari

- Laman Amal (LA!) Sales
- Charity Month with SK Tinta
- Edaran Bantuan Cheer To School di SK Kajang, Selangor
- Edaran Bantuan COVID-19 di Sabah
- Misi Bantuan Banjir di Kampung Gesing, Raub, Pahang
- Misi Bantuan Kecemasan Lokal 2.0 di Temerloh, Pahang
- Online Sharing Session: Kesukarelawanan, Apa Kita dapat?
- Misi Bantuan Kecemasan Lokal di Sarawak
- Online Sharing Session: Share The Joy

2

## February

- Laman Amal (LA!) Sales
- Edaran Bantuan Cheer To School di SK Kajang, SK Sungai Melut (Asli) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Dengkil, Selangor
- Edaran Bantuan COVID-19 di Ampang, Selangor
- Fresh4Them
- Share The Joy di Kuala Lumpur dan Sarawak
- Online Sharing Session: Shopee 2.2 Local Emergency Relief
- Online Sharing Session: COVID-19 Emergency Appeal with Ashraf Muslim & Saujana
- Online Sharing Session: Unity for Humanity
- Online Sharing Session: Bantuan COVID-19
- Online Sharing Session: Rezeki Ramadan

3

## Mac

- Laman Amal (LA!) Sales
- Online Sharing Session: Saya Nak Sumbang!
- Pelantikan sebagai Ejen Basmi Covid-19 Program (ABC-19) di Pejabat Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
- Edaran Bantuan Kecemasan Lokal di Membakut, Beaufort, Pitas, Penampang dan Putatan, Sabah
- Ikon Prihatin
- Online Sharing Session: Shopee 3.3 Live ft LA! Sales
- Online Sharing Session: Untukmu Wanita
- Online Sharing Session: Setitis Harapan

4

## April

- Laman Amal (LA!) Sales
- Edaran Bantuan Kecemasan Lokal Sabah
- Online Sharing Session: Shopee Live 4.4 - Rezeki Ramadan
- Pelancaran Program Edaran Pek Makanan Rezeki Ramadan di Masjid Saidina Ali Bukit Sentosa 2 Rawang
- Edaran Pek Makanan Rezeki Ramadan di seluruh Malaysia
- Afyaa Shopping Raya
- Online Sharing Session: Belia Produktif Pemacu Pembangunan Negara
- Online Sharing Session: Raikan Ramadan Dengan Kesyukuruan
- Online Sharing Session: Misi Kemanusiaan Ramadan Somalia: Kembara Tanpa Tiket Pulang
- Online Sharing Session: Shahrul Quran

5

## Mei

- Laman Amal (LA!) Sales
- Penyerahan Bantuan di Pusat Jagaan Al-Hasanah, Beranang, Selangor
- Online Sharing Session: Panggilan Terakhir Ramadan
- Online Sharing Session: Pemburu Al-Qadr
- Online Sharing Session: Kelebihan dan Peranan Zakat, Infaq, dan Sekedah Kepada Masyarakat
- Online Sharing Session: Khabar Dari Palestin
- Online Sharing Session: Solidariti Untuk Palestin
- Online Sharing Session: Palestin: Bumi Para Syuhada

6

## Jun

- Laman Amal (LA!) Sales
- Edaran Bantuan Kecemasan Lokal di Beaufort dan Tenom, Sabah
- Online Sharing Session: Penyelesaian Konflik Palestin-Israel: Misi Mustahil?
- Online Sharing Session: Berkorban Dalam Memberi

7

## Julai

- Laman Amal (LA!) Sales
- Edaran Bantuan COVID-19 di Pulau Jampiras, Sandakan, Sabah
- Edaran Bantuan COVID-19 di PPR Desa Rejang, Kuala Lumpur
- Edaran Bantuan Daging Korban Menerusi Program Rezeki Qurban di Sabah & Selangor
- Online Sharing Session: The power of giving: Pandemic and Qurbani
- Online Sharing Session: Sekolah Tinta Cyber week 2.0. live
- Online Sharing Session: COVID-19: Dunia Baharu Kanak-Kanak

8

## Ogos

- Laman Amal (LA!) Sales
- Edaran Bantuan COVID-19 di Kuching, Sri Aman, Bau, Simunjan, Lundu dan Sematan, Sarawak
- Online Gathering VOOM: World Humanitarian Day 2021
- Online Sharing Session: Somalia: Pengembaraan Berharga
- Edaran Bantuan COVID-19 di Kajang, Selangor
- Edaran Bantuan COVID-19 di PPR Seri Kota, Kuala Lumpur

## PEJABAT MALAYSIA

A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB 5,  
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor  
Tel: +603 8926 3434 Faks: +603 8925 3434

## IBU PEJABAT (HQ)

19 Rea Street, South Birmingham, B5 6LB,  
United Kingdom  
Tel: +44 121 605 5555 Fax: +44 121 622 5003

## PEJABAT OPERASI:

Afghanistan | Albania | Australia | Bangladesh | Bosnia & Herzegovina | Canada | China | Ethiopia  
Germany | India | Iraq | Indonesia | Ireland | Italy | Jordan | Kenya | Kosova | Lebanon  
Malaysia | Malawi | Mali | Mauritius | Myanmar | Middle East | Nepal | Niger | Norway  
Pakistan | Palestinian Territories | Philippines | Russian Federation | Somalia | South Africa  
South Sudan | Spain | Sri Lanka | Sudan | Sweden | Switzerland | Syrian Arab Republic  
Tunisia | United Kingdom | USA | Yemen

## PENAJAAN / SUMBANGAN BOLEH MELALUI:

**MAYBANK ISLAMIC**  
5621 4270 8704

**MBSB BANK**  
1005025100000166

**CIMB ISLAMIC**  
8602073818

**BANK ISLAM**  
12 029 01 006564 3

**BANK RAKYAT**  
11080 10000 35


**AFFIN ISLAMIC**  
10 671 000278 4

**CHARITY SHOPPE**  
WANG TUNAI / CEK / KAD KREDIT

**LAMAN WEB**  
www.islamic-relief.org.my

## BUKTI PEMBAYARAN

Sila Email / WhatsApp: Nama, Nombor Kad Pengenalan, Nombor Telefon, Alamat & Email berserta resit sumbangan kepada [donation@islamic-relief.org.my](mailto:donation@islamic-relief.org.my) / **+6019630 9788** untuk rujukan pihak kami.

	<b>Billar Code: 3822</b> <b>Ref-1: No.KP</b> <b>Ref-2: Emel / No. Tel</b>
<b>JomPay online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa, simpanan atau kad kredit</b>	

## PLATFORM ATAS TALIAN



Lazada



kitafund

GIVE  
.ASIA



**Islamic Relief  
Malaysia**

Company Registration No. 657354 - W